



SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)

PERLUASAN PERLINDUNGAN KESELAMATAN SOSIAL DI BAWAH SKIM KEMALANGAN BUKAN BENCANA KERJA / LINDUNG 24 JAM

1. Apakah itu Skim LINDUNG 24 Jam?

Skim LINDUNG 24 Jam adalah merupakan Skim Kemalangan Bukan Bencana Kerja (SKBBK) yang memberi perlindungan 24 jam kepada pekerja yang layak semasa tempoh penggajian, termasuk perlindungan bagi kemalangan yang berlaku di luar waktu kerja yang tidak berkait langsung dengan penggajian ataupun pekerjaan.

2. Siapakah yang layak dilindungi di bawah Skim LINDUNG 24 Jam?

Semua **pekerja tempatan termasuk pemastautin tetap dan sementara serta pekerja asing** yang diliputi di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4] adalah layak untuk dilindungi di bawah Skim LINDUNG 24 Jam.

3. Adakah Skim LINDUNG 24 Jam dilaksanakan secara mandatori atau sukarela?

Skim LINDUNG 24 Jam dilaksanakan secara **MANDATORI** bagi pekerja asing dan secara **SUKARELA** bagi pekerja tempatan berkuat kuasa pada 8 Julai 2026.

4. Berapakah had umur liputan Skim LINDUNG 24 Jam?

Tiada had umur liputan Skim LINDUNG 24 Jam selagi pekerja tersebut berstatus pekerja bermajikan.

5. Apakah tindakan yang perlu diambil oleh pekerja tempatan untuk pengisytiharan sama ada ingin mendapatkan perlindungan di bawah Skim LINDUNG 24 Jam atau sebaliknya?

Tiada tindakan perlu diambil oleh pekerja yang ingin menyertai (*opt-in*) skim ini kerana secara *default* dianggap memilih menyertai.

Namun, tindakan hanya perlu dibuat bagi pekerja tempatan yang memilih untuk tidak menyertai (*opt-out*) Skim ini melalui **Portal Lindung Faedah**, atau menghantar Notis Pelepasan Liabiliti Skim Lindung 24 Jam (sekiranya sistem tidak dapat digunakan / *offline*).

6. Adakah pekerja yang telah memilih *opt-out* Skim LINDUNG 24 Jam boleh memilih untuk *opt-in*?

Ya. Sekiranya pekerja memilih untuk *opt-in* Skim LINDUNG 24 Jam, ianya hendaklah berkuatkuasa mulai tarikh dan masa pilihan tersebut dikemukakan kepada PERKESO. Bayaran caruman pula hendaklah mula dibuat mulai gaji bagi bulan pilihan tersebut dikemukakan.

7. Apakah status pekerja yang telah memilih untuk *opt-in* atau yang tidak membuat pemilihan *opt-out* selepas 31 Ogos 2026?

Pekerja tersebut hendaklah kekal diliputi di bawah Skim LINDUNG 24 Jam berasaskan prinsip "Sekali Layak, Terus Layak" (*Once In, Always In*) di bawah Akta 4.

8. **Adakah pekerja yang mempunyai lebih daripada satu majikan dan telah membuat pemilihan majikan **SEBELUM ATAU PADA 8 JULAI 2026** untuk pemotongan caruman Skim LINDUNG 24 Jam akan dianggap secara automatik menyertai skim ini?**

Tidak. Tindakan hanya perlu dibuat bagi pekerja tempatan yang memilih untuk tidak menyertai (*opt-out*) Skim ini. Sekiranya tiada pemilihan tidak menyertai (*opt-out*) dibuat sehingga tempoh 31 Ogos 2026, pekerja adalah diaktifkan secara automatik sebagai menyertai Skim LINDUNG 24 Jam.

9. **Apakah status caruman bulan Jun 2026 yang telah dibuat bayaran dan adakah bayaran balik caruman boleh dituntut?**

Semua **CARUMAN BULAN JUN 2026** adalah MANDATORI mengikut undang-undang sebelum keputusan Kabinet bertarikh 8 Julai 2026 dan **TIDAK BOLEH DIBUAT TUNTUTAN BAYARAN BALIK CARUMAN** selaras dengan kelulusan pindaan Akta bagi Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2026 yang telah diluluskan oleh Parlimen dan berkuatkuasa mulai 1 Jun 2026 di mana semua pekerja dilindungi secara mandatori.

10. **Apakah status **CARUMAN BULAN JUN 2026** yang belum dibuat bayaran Skim LINDUNG 24 Jam sekiranya pekerja memilih untuk tidak menyertai (*opt-out*)?**

Semua caruman bulan Jun 2026 adalah MANDATORI dan majikan bertanggungjawab untuk membuat pemotongan gaji pekerja bagi tunggakan caruman berdasarkan jadual caruman LINDUNG 24 Jam.

11. **Bilakah tempoh caruman yang boleh dituntut bayaran balik (*refund*)?**

Tempoh yang boleh dibuat bayaran balik adalah mulai Julai 2026 dan seterusnya bergantung kepada tempoh pemilihan *opt-out* yang layak dibuat.

12. Bagaimana cara memohon tuntutan bayaran balik caruman (*refund*) LINDUNG 24 Jam ?

Majikan boleh membuat tuntutan Bayaran Balik Caruman (*refund*) melalui Portal ASSIST (My Sites → Modul Inspection → Menu Bayaran Balik / Refund) bagi caruman LINDUNG 24 Jam.

13. Adakah pekerja boleh membuat tuntutan bayaran Balik Caruman LINDUNG 24 Jam terus ke Pejabat PERKESO?

Tidak. Hanya majikan sahaja.

14. Pekerja telah membuat potongan bayaran Julai 2026, apakah bulan carum yang layak melibatkan tuntutan faedah?

Bulan carum yang layak bagi tuntutan faedah adalah bulan Julai 2026 tertakluk kepada tempoh penggajian tidak kurang daripada 24 hari, iaitu sekurang-kurangnya menyertai pekerjaan sebelum atau pada 7 Jun 2026.

15. Bagaimanakah cara majikan boleh menyemak status pekerja yang telah *opt-in*?

Majikan boleh menyemak status pekerja berkenaan penyertaan Skim LINDUNG 24 Jam melalui Portal ASSIST, di Modul Caruman yang ditandakan dengan simbol # (bagi pekerja yang tidak memilih untuk *opt-out*).

16. Adakah majikan atau pekerja akan menerima notifikasi ke atas pemilihan *opt-out* Skim LINDUNG 24 Jam?

Ya. Majikan dan pekerja (menghantar borang manual) akan menerima notifikasi daripada PERKESO.

- 17. Adakah pekerja mendapat perlindungan di bawah Skim LINDUNG 24 Jam sekiranya tiada bayaran gaji bagi bulan tersebut, sekali gus tiada potongan caruman Skim LINDUNG 24 Jam dibuat?**

Tidak. Berdasarkan status pekerja yang tiada bayaran gaji dan tiada caruman LINDUNG 24 Jam bagi bulan tersebut. Perlindungan hanya kepada pekerja yang aktif mencarum pada bulan tersebut.

- 18. Sekiranya pemilihan majikan (lebih daripada satu majikan) telah dibuat sebelum atau pada 8 Julai 2026 dan ingin untuk menyertai skim ini, adakah pekerja boleh menukar pilihan majikan di Portal Lindung Faedah?**

Tidak. Kecuali berdasarkan syarat yang telah ditetapkan.

- 19. Bagaimana jika seseorang pekerja ingin menyertai Skim LINDUNG 24 Jam yang mempunyai lebih daripada satu majikan?**

Bagi pekerja yang mempunyai lebih daripada satu majikan, pekerja hendaklah memilih satu majikan sahaja untuk caruman Skim LINDUNG 24 Jam dengan mengisi dan menghantar Borang Penyertaan Skim LINDUNG 24 Jam ke pejabat PERKESO berhampiran.

Namun, sekiranya pekerja tidak membuat pilihan majikan yang akan membuat potongan caruman Skim LINDUNG 24 Jam, PERKESO akan menetapkan majikan yang akan membuat potongan caruman Skim LINDUNG 24 Jam berdasarkan kriteria.

- 20. Apakah syarat yang membolehkan pekerja membuat pertukaran majikan untuk pemotongan caruman Skim LINDUNG 24 Jam sekiranya mempunyai lebih daripada satu majikan?**

Syarat pertukaran majikan adalah seperti berikut :

- i. Berhenti dari majikan yang dipilih.

- ii. Majikan tidak beroperasi (tutup perniagaan).
- iii. Tiada gaji dalam tempoh tertentu (dorman sementara).
- iv. Majikan dengan gaji yang lebih tinggi.

21. Jika seseorang pekerja yang menyertai Skim LINDUNG 24 Jam mempunyai dua pekerjaan dengan dua majikan yang berbeza, adakah perlindungan beliau akan bertindih?

Tidak. Perlindungan Skim LINDUNG 24 Jam bagi pekerja tersebut tidak bertindih. Hanya satu majikan sahaja yang layak membuat potongan caruman LINDUNG 24 Jam, berdasarkan pilihan majikan yang ditetapkan oleh pekerja.

22. Adakah pekerja asing perlu membuat pemilihan perlindungan sekiranya bekerja di bawah satu majikan sahaja?

Tidak. Pekerja asing adalah mandatori untuk mencarum di bawah Skim LINDUNG 24 Jam.

23. Adakah pekerja asing perlu membuat pemilihan perlindungan sekiranya bekerja melebihi satu majikan?

Tidak. Pekerja asing tidak perlu membuat pemilihan perlindungan dan hanya perlu membuat pemilihan majikan sahaja melalui kaunter pejabat PERKESO berhampiran.

24. Sekiranya pekerja mempunyai lebih daripada satu majikan dan telah membuat pemilihan sebelum atau pada 8 Julai 2026, adakah pekerja boleh membuat tuntutan bayaran balik caruman bagi majikan yang tidak dipilih, sekiranya ingin menyertai Skim LINDUNG 24 Jam?

Ya, potongan caruman akan hanya dibuat bagi satu majikan sahaja.

- 25. Bilakah tempoh pemilihan *opt-out* akan berakhir perlindungan Skim LINDUNG 24 Jam?**

Mulai 13 Julai sehingga 31 Ogos 2026.

- 26. Adakah kekurangan bayaran caruman perlu dibuat sekiranya caruman bulan Jun 2026 tidak termasuk amaun potongan caruman Skim LINDUNG 24 Jam?**

Ya. Majikan bertanggungjawab untuk membuat pemotongan gaji pekerja bagi amaun kekurangan caruman bulan Jun 2026 berdasarkan jadual caruman LINDUNG 24 Jam.

- 27. Bilakah tempoh bulan carum bermula sekiranya pekerja aktif mencarum ingin menyertai perlindungan LINDUNG 24 Jam?**

Bagi pekerja sedia ada, majikan bertanggungjawab untuk membuat pemotongan gaji pekerja termasuk amaun caruman LINDUNG 24 Jam mulai bulan carum Jun 2026 agar perlindungan secara berterusan tersedia kepada pekerja.

- 28. Bilakah tempoh bulan carum bermula untuk potongan caruman LINDUNG 24 Jam bagi kerja tempatan pertama kali mencarum?**

Majikan hendaklah mendaftarkan pekerja baharu di Portal ASSIST dan mengemukakan Notis Pelepasan Liabiliti sekiranya pekerja memilih untuk *opt-out* sebelum potongan caruman bulan pertama dibuat.

- 29. Apakah status pekerja setelah tempoh membuat pemilihan tamat pada 31 Ogos 2026?**

Bagi pekerja tempatan yang **tidak memilih *opt-out***, pekerja adalah diaktifkan secara automatik sebagai menyertai Skim Lindung 24 Jam.

30. Adakah majikan perlu mendaftarkan pekerja mereka untuk perlindungan sekiranya ingin menyertai Skim LINDUNG 24 Jam?

Bagi pekerja sedia ada, majikan tidak perlu membuat pendaftaran semula di bawah Skim LINDUNG 24 Jam kerana pekerja ini telah ada dalam pangkalan data PERKESO di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4).

31. Siapa yang membiayai caruman dan berapakah kadar caruman Skim LINDUNG 24 Jam?

Caruman Skim LINDUNG 24 Jam **dibiayai sepenuhnya oleh pekerja** itu sendiri.

Kadar caruman adalah berdasarkan fasa pelaksanaan seperti berikut :

- i. 0.75 peratus untuk Fasa Pertama (1 Jun 2026 hingga 31 Mei 2028).
- ii. 1.00 peratus untuk Fasa Kedua (1 Jun 2028 hingga 31 Mei 2031).
- iii. 1.25 peratus untuk Fasa Ketiga (mulai 1 Jun 2031).

Daripada gaji bulanan tertakluk kepada had siling gaji RM6,000 pada ketika ini. Pelaksanaan kadar caruman secara berperingkat ini adalah tertakluk kepada ketetapan dan tarikh kuat kuasanya. Kadar caruman Skim LINDUNG 24 Jam boleh dirujuk di Jadual Ketiga, Kadar Caruman, Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2026 [Akta A1788].

32. Adakah MAJIKAN turut menyumbang caruman Skim LINDUNG 24 Jam?

Tidak.

33. Apakah takrif gaji Skim LINDUNG 24 Jam?

Takrif gaji adalah sama seperti Seksyen 2(24) Akta 4 yang merujuk kepada semua saraan yang kena dibayar kepada pekerja termasuk apa-apa bayaran berkenaan dengan cuti, kelepasan, lebih masa dan kerja tambahan pada hari kelepasan kecuali :

- i. Caruman statutori contohnya Kumpulan Wang Pencen, Kumpulan Wang Simpanan atau caruman di bawah Akta 4;
- ii. Elaun perjalanan atau nilai konsesi perjalanan;
- iii. Bayaran belanja khas pekerja yang dilakukan hasil daripada pekerjaannya;
- iv. Ganjaran berhenti kerja atau bersara;
- v. Bonus tahunan; atau apa-apa saraan lain yang ditetapkan oleh YB Menteri Sumber Manusia melalui peraturan-peraturan.

34. Berapakah jumlah kadar caruman syer majikan dan pekerja yang perlu dibayar kepada PERKESO sekiranya menyertai Skim LINDUNG 24 Jam?

Dengan pelaksanaan Skim LINDUNG 24 Jam, jumlah kadar caruman yang perlu dibayar oleh majikan dan pekerja adalah seperti berikut :

Syer	Skim Bencana Pekerjaan	Skim LINDUNG 24 Jam	Skim Keilatan	Jumlah
Majikan	1.25%	-	0.5%	1.75%
Pekerja	-	0.75%	0.5%	1.25%

35. Apakah tanggungjawab majikan bagi caruman Skim LINDUNG 24 Jam?

Majikan bertanggungjawab membuat potongan caruman Skim LINDUNG 24 Jam daripada gaji pekerja dan membayarnya kepada PERKESO setiap bulan bagi pekerja tempatan yang ingin menyertai Skim LINDUNG 24 Jam dan semua pekerja asing.

36. Bagaimanakah bayaran caruman boleh dibuat kepada PERKESO?

Pembayaran caruman PERKESO boleh dibuat melalui saluran-saluran berikut :

- i. Portal ASSIST 2.0 (Bayaran secara *FPX*).

- ii. *Direct Debit Authorisation (DDA)*.
- iii. Pembayaran di kaunter Bank (majikan perlu membawa cetakan *ACR* semasa hadir di kaunter bank yang dilantik sahaja).

Panel Bank yang dilantik :

- a. Maybank
- b. RHB Bank (Tunai sahaja)
- c. Public Bank
- iv. Perbankan Internet

37. Adakah majikan diberikan tempoh penangguhan (*grace period*) untuk caruman Skim LINDUNG 24 Jam ini?

PERKESO memberikan **tempoh penangguhan (*grace period*) selama enam (6) bulan** kepada majikan selepas Skim LINDUNG 24 Jam dikuatkuasakan. Dalam tempoh penangguhan ini, majikan adalah dikecualikan daripada sebarang penalti atau tindakan undang-undang berkaitan ketidakpatuhan terhadap caruman Skim LINDUNG 24 Jam. Walau bagaimanapun, **ketidakpatuhan lain** di bawah peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa adalah masih terpakai.

38. Adakah pekerja kontrak atau sambilan layak untuk dilindungi di bawah Skim LINDUNG 24 Jam?

Ya. Pekerja kontrak atau sambilan layak dicarumkan sekiranya ingin menyertai Skim LINDUNG 24 Jam.

39. Adakah pekerja yang bekerja sendiri layak untuk dilindungi di bawah Skim LINDUNG 24 Jam?

Tidak.

40. Bagaimanakah cara untuk pekerja membuat semakan status caruman?

Pekerja boleh membuat semakan status caruman PERKESO melalui Portal PRIHATIN <https://prihatin.perkeso.gov.my> atau Aplikasi PRIHATIN.

41. Bagaimana jika majikan tidak membuat potongan caruman bagi pihak pekerja yang menyertai Skim LINDUNG 24 Jam?

Pekerja boleh membuat aduan kepada PERKESO untuk siasatan lanjut.

42. Adakah tindakan penguatkuasaan akan diambil ke atas majikan sekiranya pekerja tempatan yang menyertai Skim LINDUNG 24 Jam dan pekerja asing tidak membuat potongan caruman bagi pihak pekerja?

Ya.

43. Adakah penalti dikenakan kepada majikan sekiranya pekerja tempatan yang menyertai Skim LINDUNG 24 Jam dan pekerja asing tidak membuat potongan caruman?

Ya. Jika disabitkan kesalahan, majikan boleh dikenakan pemenjaraan selama tempoh sehingga dua tahun, atau denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit, atau kedua-duanya sekali.

44. Apakah jenis kemalangan yang diliputi di bawah Skim LINDUNG 24 Jam?

Kemalangan yang diliputi di bawah Skim LINDUNG 24 Jam adalah kemalangan yang tidak terbit daripada dan dalam masa menjalankan pekerjaan atau tidak berkait secara langsung dengan penggajiannya. Kemalangan itu hendaklah berlaku dalam Malaysia di luar waktu bekerja termasuk kemalangan dalam perjalanan yang tidak berkaitan dengan pekerjaan.

Contoh kemalangan yang dilindungi di bawah Skim LINDUNG 24 Jam adalah kemalangan di rumah, kemalangan semasa perjalanan yang tidak berkaitan

pekerjaannya, kemalangan semasa aktiviti peribadi dan lain-lain kemalangan yang tidak berkaitan pekerjaannya dalam perusahaan yang tertakluk di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4).

Selain itu, bagi kemalangan jalanraya bukan merupakan suatu kesalahan jenayah, biarpun polis menjatuhkan hukuman atau mengenakan denda atau kompaun bagi kesalahan kemalangan jalanraya itu ke atas pekerja terbabit.

45. Apakah manfaat atau faedah yang disediakan di bawah Skim LINDUNG 24 Jam?

Faedah yang diperuntukkan di bawah Skim LINDUNG 24 Jam adalah merupakan suatu bentuk penggantian pendapatan bagi pekerja yang mengalami kemalangan dan hilang upaya untuk menjana pendapatan. Manakala ianya merupakan suatu bentuk kesinambungan pendapatan bagi orang tanggungan yang kehilangan atau kematian pekerja yang menjadi sumber janaan pendapatan keluarga. Faedah-faedah adalah seperti berikut :

i. Faedah Perubatan

Pekerja yang ditimpa kemalangan di bawah Skim LINDUNG 24 Jam boleh mendapat rawatan perubatan di bawah tanggungan PERKESO di klinik swasta atau klinik / hospital Kerajaan sehingga pulih sepenuhnya melalui kaedah Bayaran Ganti Belanja.

Bagi kecederaan parah, rawatan mestilah diperolehi dari hospital Kerajaan dan pekerja akan diberi rawatan di wad kelas dua. Rawatan pakar akan diberi jika perlu.

Bayaran Ganti Belanja bagi caj rawatan yang diperolehi dari klinik atau hospital swasta, majikan atau perkerja boleh mengemukakan permohonan tuntutan Bayaran Ganti Belanja dan tertakluk kepada kadar yang telah ditetapkan oleh Pertubuhan atau mengikut Akta Fi 1951, iaitu pada kadar yang sama dikenakan di hospital Kerajaan.

ii. Faedah Hilang Upaya Sementara (FHUS)

Faedah Hilang Upaya Sementara dibayar kepada pekerja sepanjang tempoh cuti sakitnya yang diperakui oleh doktor yang merawatnya dan bagi tempoh tidak kurang daripada 4 hari termasuk hari kemalangan. Faedah ini juga akan dibayar kepada pekerja berkenaan jika hadir bekerja dan dibayar gaji.

iii. Faedah Hilang Upaya Kekal (FHUK)

Faedah Hilang Upaya Kekal adalah dibayar kepada pencarum yang mengalami hilang upaya berkekalan akibat daripada kecederaan yang dituntut. Taksiran kadar hilang upaya adalah ditentukan oleh Jemaah Doktor dan kadar bayaran akan ditetapkan berdasarkan taksiran hilang upaya, kadar gaji dan umur pencarum. Kaedah bayaran dan penetapan syarat bayaran yang dibuat adalah sama seperti yang ditetapkan melalui Skim Lindung Pekerja bagi bencana pekerjaan.

iv. Elaun Layanan Sentiasa (ELS)

Pekerja yang menerima taksiran hilang upaya langsung yang kekal dan tidak berdaya dengan teruknya hingga sentiasa memerlukan layanan seseorang lain, layak menerima elaun ini dengan pengesyoran Jemaah Doktor atau Jemaah Doktor Khas atau Jemaah Doktor Rayuan.

Jumlah Elaun Layanan Sentiasa adalah ditetapkan sebanyak RM500 sebulan.

v. Kemudahan Pemulihan Jasmani / Vokasional termasuk :

- Fisioterapi
- Terapi pekerjaan
- Bekalan prostetik, ortotik, implan dan lain-lain alat
- Bekalan ortopedik seperti kerusi roda, tongkat, alat pendengaran, cermin mata, kasut khas dan lain-lain

- **Pemulihan vokasional dan *return to work* termasuk** : Latihan dalam bidang seperti elektrik, jahitan, membaiki radio/ TV, menaip dan lain-lain.

Kemudahan ini diberikan kepada pekerja yang layak dalam bentuk semua perbelanjaan kemudahan pemulihan di atas ditanggung oleh PERKESO mengikut kadar dan syarat-syarat yang ditetapkan.

vi. Faedah Orang Tanggungan (FOT)

Orang tanggungan layak menerima faedah ini sekiranya pekerja terlibat meninggal dunia akibat bencana bukan pekerjaan. Kadar dan syer orang tanggungan seperti pasangan, anak, ibu, bapa dan lain-lain adalah tertakluk kepada syarat yang sama seperti digariskan di dalam Skim Lindung Pekerja.

vii. Faedah Pengurusan Mayat (FPM)

Amaun sebanyak RM3,000 akan dibayar sekiranya seseorang pekerja meninggal dunia akibat bencana bukan pekerjaan atau semasa menerima bayaran berkala Faedah Hilang Upaya Kekal. Pembayaran faedah akan dibuat kepada waris-warisan yang layak. Sekiranya tiada waris, faedah akan dibayar kepada pihak yang menanggung perbelanjaan pengebumian itu.

Bayaran sebanyak RM3,000 akan dibayar kepada balu, duda, anak, ibu dan / atau bapa. Jika tiada, bayaran mengikut perbelanjaan sebenar berdasarkan resit tertakluk pada kadar maksimum RM3,000 boleh dibayar kepada pihak yang menguruskan jenazah berkenaan.

ix. Faedah Pendidikan

Faedah Pendidikan merupakan suatu kemudahan dalam bentuk pinjaman disediakan kepada anak tanggungan orang berinsurans, sekiranya orang berinsurans, tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan PERKESO, merujuk kepada senario berikut :

- *Meninggal dunia dan berkecualan memperolehi faedah di bawah Skim Bencana Pekerjaan, Skim Keilatan (Pencen Ilat atau Pencen Penakat) dan Skim Lindung 24 Jam;*
- *Menerima bayaran berkala Faedah Hilang Upaya Kekal di bawah Skim Bencana Pekerjaan atau Skim LINDUNG 24 Jam.*

46. Apakah jenis kemalangan yang tidak diliputi di bawah Skim LINDUNG 24 Jam?

Kemalangan yang TIDAK diliputi di bawah Skim LINDUNG 24 Jam adalah seperti berikut :

- Kemalangan ke atas pekerja yang tidak berdaftar dan mencarum di bawah Skim LINDUNG 24 Jam (pekerja yang memilih untuk tidak menyertai Skim LINDUNG 24 Jam).
- Kemalangan yang diperakukan sebagai Bencana Pekerjaan di bawah Skim Bencana Pekerjaan, Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri dan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah. Kemalangan jenis ini diliputi dibawah skim-skim yang berkaitan seperti LINDUNG Pekerja, LINDUNG Kendiri dan LINDUNG Kasih.
- Kemalangan yang disabitkan penipuan (*fraud*).
- Kemalangan yang melibatkan perbuatan jenayah.
- Kemalangan mencederakan diri sendiri (*self-inflicted*) atau membunuh diri.
- Kemalangan ke atas pekerja asing yang berada di Malaysia yang menyalahgunakan pas atau permit atau sebarang aktiviti bukan berkaitan pekerjaan sah yang bercanggah dengan syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (Akta 155).

- vii. Kemalangan ketika dalam tempoh cuti tanpa gaji dan tidak mencarum Skim LINDUNG 24 Jam pada bulan kemalangan itu. Bagaimanapun, bagi hal keadaan seperti di bawah, pekerja yang mengalami kemalangan masih berkecualan LINDUNG 24 Jam:
 - a. Pekerja yang mengambil cuti tanpa gaji atau tidak hadir bekerja yang tidak dibayar gaji dalam tempoh singkat yang mana status perkhidmatannya masih aktif atau tidak terjejas bagi bulan kemalangan itu. Cuti tanpa gaji atau tidak hadir bekerja dalam tempoh singkat merujuk kepada cuti atau tidak hadir bekerja tanpa gaji harian, iaitu pekerja yang bekerja dengan bayaran gaji harian dan mengambil cuti tanpa gaji atau tidak hadir bekerja pada hari-hari tertentu tanpa bayaran gaji.
 - b. Pekerja dalam tempoh cuti bagi menghabiskan baki cuti rehat tahunan atau mengambil cuti penghujung perkhidmatan bagi tujuan persaraan atau penamatan perkhidmatan.
 - c. Pekerja yang dijadualkan bertugas tetapi tidak hadir bertugas dan tidak dibayar gaji atas urusan peribadi yang tidak menjejaskan status perkhidmatannya.
- iiix. Kemalangan ketika tidak hadir bertugas yang menjejaskan status perkhidmatan pekerja itu yang membawa kepada pemecatannya dan tiada caruman Skim LINDUNG 24 Jam pada bulan kemalangan itu.
- ix. Kemalangan ketika belum lagi berstatus pekerja dalam mana-mana perusahaan yang tertakluk di bawah Akta 4.
- x. Kemalangan selepas tarikh 8 Julai 2026 (keputusan Kabinet Malaysia membatalkan caruman mandatori) dan tiada bayaran caruman dibuat sehingga pekerja berkenaan membuat pilihan memilih menyertai Skim LINDUNG 24 Jam.

- xi. Kemalangan terbit sebelum masa dan tarikh berkuatkuasa Skim LINDUNG 24 Jam, iaitu sebelum pukul 12:00 tengah malam (00:00 jam) 1 Jun 2026.
- xii. Apa-apa penyakit atau kecederaan yang tidak berkait dengan kemalangan termasuk penyakit khidmat / penyakit pekerjaan.
- xiii. Sebarang kemalangan akibat jenayah yang boleh disabitkan di bawah Seksyen 93, AKSP 1969.

47. Adakah pekerja yang mengalami kemalangan pada Jun 2026 masih layak menerima faedah LINDUNG 24 Jam sekiranya permohonan faedah dibuat selepas memilih *opt-out*?

Ya. Pekerja yang mengalami kemalangan pada Jun 2026 tetapi belum membuat permohonan tuntutan faedah dan telah memilih *opt-out*, berkecualan mendapat faedah yang diperuntukkan di bawah LINDUNG 24 Jam bagi kemalangan itu. Ini kerana bulan **JUN 2026** adalah **MANDATORI** untuk membayar caruman.

48. Adakah kemalangan yang berlaku sebelum tarikh kuat kuasa Skim LINDUNG 24 Jam akan turut dilindungi?

Tidak. Skim ini hanya melindungi kemalangan yang berlaku bermula tarikh kuat kuasa Skim LINDUNG 24 Jam, iaitu kemalangan mulai 1 Jun 2026 dan selagi pekerja sedia ada berkenaan tidak memilih *opt-out* sehingga 31 Ogos 2026.

49. Adakah pekerja yang mengalami kemalangan dalam tempoh pemilihan perlindungan Skim LINDUNG 24 Jam (13 Julai 2026 hingga 31 Ogos 2026) layak menerima faedah LINDUNG 24 Jam?

Layak. Jika pekerja itu tidak memilih *opt-out* pada masa kemalangan berlaku.

50. Adakah kadar caruman Skim LINDUNG 24 Jam perlu dibayar secara penuh bagi sesuatu bulan sekiranya pekerja memilih *opt-in* pada mana-mana tarikh dalam bulan tersebut?

Ya. Kadar caruman Skim LINDUNG 24 Jam hendaklah dibayar berdasarkan gaji bulanan penuh bagi bulan berkenaan, walaupun pekerja memilih *opt-in* pada mana-mana tarikh dalam bulan tersebut.

Contohnya, jika pekerja memilih *opt-in* pada 15 September 2026, caruman Skim LINDUNG 24 Jam bagi bulan September 2026 hendaklah dikira berdasarkan gaji penuh bulan September 2026.

51. Adakah skim ini melindungi kemalangan semasa bekerja?

Tidak. Kemalangan semasa bekerja atau kemalangan yang terbit daripada dan dalam masa menjalankan pekerjaan adalah dilindungi di bawah Skim Bencana Pekerjaan.

52. Adakah LINDUNG 24 Jam diberikan jika kemalangan berlaku di luar Malaysia?

Tidak. Jika kemalangan berkaitan atau terbit daripada pekerjaan ketika berada di luar Malaysia, ianya diliputi di bawah Skim Bencana Pekerjaan.

53. Berapa lama tempoh cuti sakit (hilang upaya sementara) boleh dibayar?

Cuti sakit boleh dibayar selagi sijil cuti sakit dikeluarkan kepada pekerja yang alami kemalangan itu. Namun begitu, jika tempoh cuti sakit itu berpanjangan hingga melebihi 180 hari, PERKESO akan menilai kewajaran tempoh cuti sakit itu dengan merujukkannya kepada Jawatankuasa Penilaian Kewajaran Cuti Sakit atau kepada Jemaah Doktor bagi memastikan cuti sakit selepas 180 hari masih wajar atau kecederaan itu telah mencapai status hilang upaya kekal (HUK).

54. Apakah kemalangan selepas pengumuman Skim LINDUNG 24 menjadi *optional* hingga tarikh sebelum pilihan *opt-in* atau *opt-out* dibuat layak LINDUNG 24 Jam?

Layak.

55. Adakah pekerja yang mendapat FHUS, FHUK dan FOT boleh *opt-out*?

Tidak. Faedah yang dibayar kepada pekerja yang kemalangan sebenarnya telah mengambilkira tempoh hayat (faktor umur) pekerja itu selaras dengan konsep “*pooling of resources, sharing of risk*”.

56. Pekerja mempunyai penyakit (*contohnya diabetes atau jantung*), jika berlaku kemalangan, layak memohon LINDUNG 24 Jam?

Layak. Bagi kecederaan akibat kemalangan itu sahaja dan bukannya disebabkan oleh penyakit.

57. Adakah majikan bertanggungjawab memperakui atau mengesahkan kemalangan Skim LINDUNG 24 Jam yang dialami oleh pekerjaanya?

Tidak. Memadai pengesahan pekerja berstatus aktif (tidak dalam tempoh cuti tanpa gaji).

58. Adakah pekerja yang mendapat FHUS LINDUNG 24 Jam dan tidak hadir bekerja boleh tidak dibayar gaji dalam tempoh masa mendapat FHUS itu?

Boleh, dengan merujuk kepada kontrak penggajian pekerja itu beserta ketetapan Akta Buruh 1959.

59. Bagaimana permohonan faedah boleh dibuat?

Permohonan faedah boleh dibuat melalui **Portal LINDUNG Faedah** <https://lindungfaedah.perkeso.gov.my> atau hadir ke pejabat PERKESO berhampiran. Dokumen sokongan pembuktian kemalangan dan rawatan kepada kecederaan itu hendaklah disertakan bersama.

60. Siapakah yang boleh dihubungi untuk pertanyaan lanjut?

Pertanyaan boleh diajukan terus kepada Pusat Panggilan PERKESO di 1300 22 8000 atau hadir ke pejabat PERKESO yang berhampiran.